



JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR
BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM
Tingkat 3 & 4, Blok B
Pusat Islam Iskandar Johor
Jalan Masjid Abu Bakar,
80990 Johor Bahru, Johor



MEMO
(UNIT PENTADBIRAN)

Ruj. Kami :	JAINJ.BPI.010/705 Jld 5 (6)	Tarikh : 18 Mac 2018 30 Jamadilakhir 1439H
Tajuk :	PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2017 CUTI REHAT KHAS PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN	
Kepada :	<p>Penolong Pengarah Unit Pentadbiran Penolong Pengarah Kanan Unit Akademik Penolong Pengarah Kanan Unit Pengurusan Sekolah Ketua Jemaah Nazir Penolong Pengarah Kanan Unit Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan Pengetua Maahad Johor Pengetua Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor</p>	
Daripada :	Timbalan Pengarah (Pendidikan Agama)	

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan,

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berhubung dengan perkara di atas, bersama-sama ini dikembarkan Pekeling daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia untuk makluman dan tindakan pihak tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HADJ) ANOAR BIN SARIMIN)

Timbalan Pengarah (Pendidikan Agama)

Bahagian Pendidikan Islam,

Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

Pn. Radhiah

Sile failkan



ڤجابت سٰياؤسها کراجأن جوهن
بهائکین ڦغوروسن سومبر مأنسي

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR,
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
ARAS 1 & 2, BANGUNAN DATO' ABDUL RAHMAN ANDAK,
KOTA ISKANDAR, 79503 ISKANDAR PUTERI, JOHOR



Setiausaha Bahagian : 07-2666487 Pejabat Am : 07-2666505, 07-2666506 Fax Pejabat : 07-2909010/11 Portal Rasmi : <http://www.johordt.gov.my/psm>

Ruj. Kami : SUKJ.BPSM.12/2Jilid12(13)

Tarikh : 05 Mac 2018

Semua Ketua Jabatan di lampiran.

YB Dato'/ YB Tuan/ YAA Dato'/ YBM Tunku/ Tuan/ Puan,

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2017.

CUTI REHAT KHAS PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN.



Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor dimesyuaratnya pada 14 Februari 2018 telah menimbangkan Ringkasan Mesyuarat Bil. 280/2018 telah mengambil keputusan sebagaimana berikut:

2.1 Majlis **BERSETUJU** Pekeling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2017 – Cuti Rehat Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan ditimbal guna di semua Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri berkuatkuasa mulai 01 Januari 2018.

Sekian, untuk makluman dan tindakan pentadbiran YB Dato'/ YB Tuan/ YAA Dato'/ YBM Tunku/ Tuan/ Puan.

Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(HAJI ISMAIL BIN ABU)
Setiausaha Bahagian,
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.
b.p. Setiausaha Kerajaan Johor.

HARK/HR/ija

TINDAKAN		PPK UPPK
PPK UPS	DITERIMA	
Sek. Pendaf		Sek. KO KU
Sek. PSM & Tarifz		Sek. HEM
Sek. PSR		Sek. LPK
KAFA		PPK UPA
LKMADINJ		Sek. Kurikulum
PP UPZ		Sek. P & P
Sek. Perkhid.		KJN
Sek. Kew.		
Sek. Si/Maklumat		
	12 MAR 2018	
	PPK PENDIDIKAN	
	Catatan:	

Pn. Kneeloh
motlun fel. Dennis Le ha vult
② Keptus
③ Pihakj, Medha
④ PPID

Sila nyatakan nombor rujukan kami apabila menjawab surat ini



MS ISO 9001:2008 REG ID: AP644



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2017

CUTI REHAT KHAS PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

TUJUAN

1. Pekeling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pelaksanaan Cuti Rehat Khas bagi menambah baik peruntukan sedia ada yang dinikmati oleh Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di sekolah dan institusi pendidikan.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini, pelaksanaan Cuti Rehat Khas kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan diperuntukkan di bawah Pekeling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2005 dan Surat JPA.SARAAN(S)63/51/8 Jld.2 (11) bertarikh 17 Februari 2015.

3. Dalam hal ini, Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan kadar kelayakan Cuti Rehat Khas bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan daripada tujuh (7) hari kepada sepuluh (10) hari setahun.

TAFSIRAN

4. Dalam Pekeliling Perkhidmatan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

'perkhidmatan yang melayakkan' bermaksud perkhidmatan yang diambil kira bagi mengira kelayakan mendapat cuti seseorang pegawai dan terdiri daripada masa-masa bertugas, cuti rehat, cuti sakit dan cuti penggal/semester bergaji penuh tetapi tidak termasuk cuti separuh gaji, cuti tanpa gaji, cuti haji, cuti sakit tibi, kusta dan barah dan cuti belajar.

'ahli keluarga' bermaksud suami atau isteri dan anak-anak pegawai.

'sanak saudara rapat' bermaksud ibu bapa kandung, ibu bapa mentua, ibu bapa tiri, ibu bapa angkat yang sah disisi undang-undang, ibu dan bapa saudara, adik beradik, datuk dan nenek kepada suami/isteri pegawai.

PELAKSANAAN

Kelayakan Cuti Rehat Khas

5. Kelayakan Cuti Rehat Khas bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan ialah sepuluh (10) hari setahun.

6. Pegawai yang layak diberikan Cuti Rehat Khas adalah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang mengajar dan diberi kemudahan cuti penggal/semester di sekolah atau institusi pendidikan.

7. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan selain yang dinyatakan di perenggan 6 atau diperuntukkan kemudahan Cuti Rehat adalah tidak layak Cuti Rehat Khas.
8. Kemudahan Cuti Rehat Khas juga dipanjangkan kepada:

- (a) Guru Sandaran/Guru Interim; dan
- (b) Guru Kontrak.

Peraturan Dan Syarat Cuti Rehat Khas

9. Bilangan hari Cuti Rehat Khas yang layak diambil oleh pegawai adalah secara prorata berdasarkan tempoh perkhidmatan yang melayakkan. Pegawai boleh memohon Cuti Rehat Khas atas apa-apa sebab tertakluk kepada kelulusan sepertimana dinyatakan di perenggan 16 dan 17.

10. Cuti Rehat Khas adalah untuk kegunaan dalam tahun semasa sahaja. Baki Cuti Rehat Khas yang tidak digunakan tidak boleh dibawa ke tahun berikutnya.

11. Cuti Rehat Khas boleh diberikan melebihi dari bilangan yang dilayaki secara prorata terhad kepada 10 hari setahun bagi tujuan-tujuan berikut:

- (a) menziarahi ahli keluarga dan sanak saudara rapat yang sakit tenat atau meninggal dunia;
- (b) mengiringi ahli keluarga untuk mendapatkan rawatan;
- (c) menghadiri upacara keagamaan yang dianuti oleh pegawai;
- (d) dalam keadaan kecemasan atau kemalangan yang menimpa seperti kebakaran, banjir dan sebagainya;

- (e) menghadiri majlis konvokesyen bagi pegawai atau ahli keluarga;
- (f) mendaftar anak ke sekolah atau institusi pengajian tinggi (di dalam atau di luar negara);
- (g) menunaikan fardhu haji sekiranya tempoh 40 hari tidak mencukupi;
- (h) menghadiri kursus suai kenal bagi kursus luar kampus; dan
- (i) perkahwinan pegawai atau anak pegawai.

12. Pegawai boleh dibenarkan memohon Cuti Rehat Khas yang melangkau tahun, di mana tempoh Cuti Rehat Khas tersebut melebihi daripada bilangan hari yang pegawai layak secara prorata, atas sebab bercuti yang tertakluk kepada tujuan-tujuan yang dinyatakan di perenggan 11(a) hingga 11(i). Walau bagaimanapun, Cuti Rehat Khas yang diluluskan adalah tertakluk kepada peruntukan dan kelayakan mengikut tahun berkaitan.

13. Pegawai yang telah diluluskan Cuti Rehat Khas melebihi dari bilangan yang dilayaki secara prorata dan kemudiannya tidak dapat memenuhi tempoh perkhidmatan yang melayakkan cuti tersebut pada tahun berkenaan, urusan pemotongan emolumen hendaklah dilakukan sebagai mengganti cuti yang telah terlebih diambil.

14. Dalam keadaan di mana jenis cuti yang diperuntukkan kepada pegawai bertukar dari Cuti Rehat Khas kepada Cuti Rehat, atau sebaliknya, pegawai adalah tertakluk kepada peraturan seperti berikut:

- (a) layak diberikan Cuti Rehat Khas atau cuti rehat secara prorata mengikut jenis cuti yang diguna pakai;

- (b) apabila pegawai bertukar tempat bertugas atau jenis cuti, baki Cuti Rehat Khas atau cuti rehat di tempat atau jawatan terdahulu tidak boleh digunakan di tempat bertugas atau jawatan baharu;
- (c) pemotongan emolumen seperti di perenggan 13 atau pelarasan cuti tidak perlu dibuat ke atas Cuti Rehat Khas yang telah diambil melebihi bilangan yang dilayaki secara prorata; dan
- (d) baki cuti yang tidak dapat digunakan boleh dikumpul bagi tujuan Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) mengikut ketetapan pekeliling GCR yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

15. Contoh simulasi kelayakan cuti bagi pegawai dalam keadaan di perenggan 14 adalah seperti di **Lampiran A**.

Kuasa Melulus

16. Kuasa untuk meluluskan permohonan Cuti Rehat Khas ialah:

- (a) Pengetua/Guru Besar bagi pegawai yang mengajar di sekolah;
- (b) Ketua Institusi Pendidikan di mana pegawai tersebut bertugas; atau
- (c) pegawai yang diberi kuasa semasa ketiadaan pegawai di perenggan 16(a) dan 16(b).

17. Pihak yang meluluskan Cuti Rehat Khas hendaklah memastikan keberkesanan pengurusan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan institusi pendidikan tidak terjejas.

PEMBERIAN WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR)

18. Pengumpulan Cuti Rehat Khas bagi tujuan GCR atas sebab persaraan dilaksanakan seperti berikut:

- (a) Cuti Rehat Khas yang tidak dapat dihabiskan boleh dikumpul bagi tujuan GCR pada setiap tahun;
- (b) Cuti Rehat Khas yang dikumpul bagi tujuan GCR di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini boleh dicantum dengan Cuti Rehat yang dikumpul bagi tujuan GCR mengikut ketetapan pekeliling GCR yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa;
- (c) pengumpulan Cuti Rehat dan Cuti Rehat Khas bagi tujuan GCR hendaklah mendapat pengesahan Ketua Jabatan setiap tahun; dan
- (d) sepanjang perkhidmatan seseorang pegawai, jumlah keseluruhan Cuti Rehat dan Cuti Rehat Khas yang dibenarkan untuk dikumpul bagi tujuan GCR hendaklah mengikut ketetapan pekeliling GCR yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

19. Pegawai yang tidak layak GCR adalah seperti berikut:

- (a) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang meletak jawatan;
- (b) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang dibuang kerja;
- (c) Guru Sandaran/Guru Interim; dan
- (d) Guru Kontrak.

TINDAKAN KETUA JABATAN

20. Bagi melaksanakan urusan kemudahan Cuti Rehat Khas dan pengumpulannya untuk tujuan GCR, Ketua Jabatan dikehendaki mengambil tindakan berikut:

- (a) memastikan Cuti Rehat Khas yang diambil, direkod dan dikemas kini di dalam Buku Rekod Perkhidmatan; dan
- (b) mengesah dan merekodkan baki Cuti Rehat Khas yang dikumpul bagi tujuan GCR ke dalam Buku Rekod Perkhidmatan pada setiap akhir tahun.

21. Bagi urusan persaraan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, Ketua Jabatan hendaklah menguruskan permohonan GCR mengikut ketetapan pekeliling yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

22. Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pasca Perkhidmatan) berhak membetulkan apa-apa kesilapan perihal Cuti Rehat Khas bagi tujuan GCR bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sepanjang tempoh perkhidmatannya bagi tujuan persaraan.

PEMBATALAN

23. Dengan berkuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini, maka Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2005 dan Surat JPA.SARAAN(S)63/51/8 Jld.2 (11) bertarikh 17 Februari 2015 adalah dibatalkan.

TARIKH KUAT KUASA

24. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Januari 2018**.

PEMAKAIAN

25. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada Perkhidmatan Awam Negeri serta Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(TAN SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

 Disember 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Suruhanjaya
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan